

Dua usaha bangun bakat AI



INOVASI: Sewaktu ulang tahun pertama AI Singapura di bangunan Innovation 4.0 NUS semalam, Encik Iswaran (*tengah*) berinteraksi bersama profesional industri. – Foto BH oleh KHALID BABA

USAHA membangunkan bakat dalam bidang kecerdasan buatan (AI) di Singapura dijangka mendapat suntikan dua inisiatif baru.

Bercakap di majlis ulang tahun pertama AI Singapore (AISG) semalam, Menteri Perhubungan dan Penerangan S. Iswaran berkata terdapat persetujuan antara pemerintah, pemimpin industri dan firma perekrutan dunia bahawa terdapat kekurangan bakat AI di dunia.

Beliau menambah bahawa Singapura memerlukan kekuatan bakat lebih mendalam untuk mengembangkan ekosistem AI setempat.

“AI Singapura boleh dan akan memainkan peranan utama dalam hal ini dengan bekerja rapat dengan penyelidik dan rakan industri demi memupuk bakat AI yang kukuh di Singapura,” katanya di majlis yang berlangsung di Innovation 4.0 Universiti Nasional Singapura (NUS).

Dua inisiatif yang akan dibangunkan oleh AI Singapore – AI for In-

dustry (AI4I) dan AI for Everyone (AI4E) – akan memperkasa 12,000 warga Singapura dengan pelbagai pengetahuan AI dalam tempoh tiga tahun akan datang.

Dua program tersebut dilancar dengan kerjasama AISG dan Penguasa Pembangunan Infokom Media (IMDA), di bawah usaha TechSkills Accelerator (TeSA).

Program AI4I akan menyaksikan 2,000 eksekutif serta mereka yang berkemahiran teknikal melalui kursus asas tiga bulan untuk membangunkan AI asas dan aplikasi data bagi menyediakan peluang pekerjaan akan datang.

Program AI4E pula bertujuan memperkenalkan warga yang berusia sekurang-kurangnya 13 tahun kepada penggunaan teknologi AI dalam mempertingkatkan mutu kehidupan.

Program itu merupakan bengkel pengenalan tiga jam secara percuma yang akan memberi manfaat kepada 10,000 orang.

Bengkel bermula hari ini.

Bagi ketua syarikat teknologi logistik VersaFleet, Encik Shamir Rahim, yang hadir bagi mempamerkan projek, beliau berkata program sedemikian usaha yang baik.

“AI tidak boleh diketepikan. Lebih cepat kita sebagai masyarakat menerimanya, lebih baik, kerana teknologi itu akan menjadi perkara yang biasa dalam kehidupan akan datang,” ujarnya.

Dalam pada itu, Jun lalu, Majlis Penasihat Penggunaan Kecerdasan Buatan (AI) dan Data Beretika dibangunkan dan diketuai peguam kanan V.K. Rajah.

Encik Iswaran turut mengumumkan ahli lain semalam.

Mereka, yang seramai 10 orang, terdiri daripada pemimpin tempatan dan antarabangsa serta penyokong kepentingan pengguna.

Antaranya ialah Ketua Eksekutif DBS Group Piyush Gupta; Presiden Temasek International Chia Song Hwee; dan Pengasas Parrot Social Hamidah Aidillah Mustafa.